



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan Profesional dan  
Pendidikan Berterusan  
(UTMSPACE)

---

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER 1 – SESSION 2016 / 2017  
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE / KOD KURSUS : DDSA 0053  
COURSE NAME / NAMA KURSUS : PRINCIPLE OF ACCOUNTING / PRINSIP PERAKAUNAN  
YEAR / PROGRAMME / TAHUN / PROGRAM : ENRICHMENT / PENGUKUHAN  
DURATION / TEMPOH : 2 HOURS 30 MINUTES / 2 JAM 30 MINIT  
DATE / TARIKH : OCTOBER 2016

---

INSTRUCTION/ARAHAN :

Answer ALL questions in the answer booklet(s) provided.  
*Jawab SEMUA soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.*

( You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script )  
( *Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan* )

NAME / NAMA	:	.....
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:	.....
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:	.....
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:	.....
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:	.....

---

This examination paper consists of ...6... pages including the cover  
*Kertas soalan ini mengandungi .....6..... muka surat termasuk kulit hadapan*

Jawab **SEMUA** soalan.

[**JUMLAH 100 markah**]

1. Padankan setiap pernyataan berikut dengan istilah yang sesuai. Cuma **SATU** jawapan sahaja yang dapat dikaitkan untuk setiap pernyataan.

A. Nota debit	F. Tempoh perakaunan	K. Buku tunai	P. Buku tunai runcit
B. Aset Semasa	G. Imbangan duga	L. Imbangan akaun	Q. Konsep entiti berasingan
C. Diskaun niaga	H. Aset bukan semasa	M. Diskaun tunai	R. Konsep usaha berterusan
D. Aset	I. Nota kredit	N. Konsep akruan	S. Perakaunan catatan bergu
E. Pemiutang	J. Kos Sejarah	O. Penghutang	T. Penyata penyesuaian bank

- i. Senrose, seorang peniaga merekodkan belanja premium insuran peribadinya sebagai ambilan di dalam buku perakaunan perniagaan Senrose Trading.
- ii. Asas konsep perakaunan yang menyatakan hasil dan belanja mesti diiktiraf di dalam tempoh perakaunan berkaitan berbanding berdasarkan asas tunai.
- iii. Satu sistem merekod transaksi, berdasarkan catatan pertambahan dan pengurangan di dalam akaun supaya debit sama dengan kredit.
- iv. Laporan kewangan bagi perniagaan Senrose Trading disediakan bagi tempoh 1 April hingga 31 Mac tahun berikutnya setiap tahun.
- v. Dokumen ini adalah untuk memaklumkan pembeli bahawa hutangnya telah berkurang.
- vi. Sesuatu item bernilai dan dimiliki oleh sesebuah perniagaan yang dapat menjanakan pendapatan pada masa hadapan.
- vii. Diskaun yang ditawarkan kepada pelanggan sebagai insentif untuk pembayaran tepat pada masanya ke atas liabiliti mereka dari segi belian kredit.
- viii. Jenis aset ini merupakan aset yang dibeli bukan untuk dijual semula tetapi digunakan untuk membantu menjalankan perniagaan.
- ix. Buku ini adalah untuk mencatat semua urusaniaga yang dibeli dalam amaun yang kecil.
- x. Analisa yang menerangkan perbezaan di antara baki akaun bank yang ditunjukkan di dalam rekod syarikat dengan baki yang dilaporkan pada penyata bank.

(Jumlah 10m)

2. Shah seorang peniaga telah melabur sejumlah modal ke dalam perniagaan. Berikut adalah aktiviti perniagaan sepanjang bulan Ogos 2016 :

- i. Shah telah melabur RM15,000 tunai bagi memulakan perniagaan cyber café dengan nama Shah Cyber Café Enterprise.
- ii. Shah telah membeli peralatan komputer secara kredit daripada H-Solution berjumlah RM7,000.
- iii. Shah telah menerima RM1,200 tunai daripada pelanggan bagi perkhidmatan diberi.

- iv. Shah telah menghantar bil kepada pelanggan Ezy Printing bagi perkhidmatan yang diberikan berjumlah RM1,500.
- v. Shah membayar gaji kerani bagi bulan semasa RM800.
- vi. Shah telah mengeluarkan RM1,200 bagi kegunaan peribadinya.

**Dikehendaki:**

Merekodkan setiap urusan tersebut dengan menggunakan format catatan bergu seperti berikut:-

No	Debit	Kredit
i.	Akaun Tunai	Akaun Modal - Shah

(Jumlah 10m)

3. Perniagaan Silky adalah pengedar kain-kain sutera kepada pelanggan-pelanggan di sekitar Bandar Melaka. Berikut adalah urusan niaga yang berlaku sepanjang bulan September 2016:
  - 1 Memulakan perniagaan dengan tunai di tangan sebanyak RM2,000 dan tunai di bank – KYM Bank Berhad sebanyak RM5,000.
  - 2 Pemilik Perniagaan Silky telah membawa sebuah komputer kepunyaan sendiri yang bernilai RM5,000 ke dalam perniagaannya.
  - 5 Membeli mesin jahit baru dengan harga RM1,800 secara kredit daripada Singer Sdn Bhd untuk kegunaan perniagaan.
  - 7 Menerima Invois daripada Tekstil KTD untuk belian kain-kain sutera secara kredit yang bernilai RM8,100. Diskaun niaga yang diberikan oleh penjual 5% daripada harga senarai.
  - 10 Menjual kain-kain sutera bernilai RM3,500 secara kredit kepada Sutra Enterprise, memberi diskaun niaga 2%.
  - 12 Menjelaskan bil pembaikan computer bernilai RM750 secara tunai.
  - 14 Mengeluarkan invois kepada Butik Indah kerana penjualan kain sutera secara kredit bernilai RM3,000, memberi diskaun niaga 2%.
  - 18 Isteri pemilik Perniagaan Silky telah mengambil sehelai kain sutera yang berharga RM200 untuk kegunaan peribadinya.
  - 22 Butik Indah telah memulangkan tiga helai kain sutera kerana warna corak yang pudar. Perniagaan Silky telah mengeluarkan Nota Kredit, bernilai RM 600, tolak diskaun niaga 2%.
  - 27 Pemilik Perniagaan Silky telah mengeluarkan cek bagi
    - i. Menjelaskan hutangnya kepada Tekstil KTD bernilai RM5,000
    - ii. Membayar gaji pekerjanya pada bulan ini berjumlah RM1,600.
  - 29 Pemilik Perniagaan Silky telah menerima
    - i. Cek bernilai RM2,000 daripada Sutra Enterprise bagi menjelaskan hutang.
    - ii. Tunai RM500 sebagai faedah atas simpanan tetap

**Dikehendaki:**

- a. Rekodkan semua urus niaga di atas ke dalam Buku Catatan Pertama termasuk Buku Tunai bagi bulan September 2016. (25m)
- b. Nyatakan **DUA** perbezaan utama di antara diskaun tunai dan diskaun niaga. (5m)

**(Jumlah 30m)**

4. Kenchana Sdn Bhd sedang menyediakan belanjawan bagi enam (6) bulan berakhir Jun 2016. Berikut adalah maklumat yang berkaitan:-

	Januari (RM)	Februari (RM)	Mac (RM)	April (RM)	Mei (RM)	Jun (RM)
Jualan	60,000	84,000	90,000	92,000	96,000	100,000
Belian	26,000	28,000	36,000	32,000	28,000	24,000
Gaji dan Upah	16,000	20,000	20,000	20,000	24,000	24,000
Overhed	7,000	7,000	7,000	8,000	8,000	8,000
Sewa	2,800	2,800	2,800	2,800	2,800	2,800
Kadar bayaran	500	500	500	500	500	500
Pembelian aset tetap	-	-	30,000	-	-	-

**Maklumat tambahan:-**

- i. 80% hasil jualan adalah secara tunai. Selebihnya adalah jualan secara kredit dan pembayaran diterima dalam tempoh sebulan selepas penjualan.
- ii. Semua pembelian adalah secara kredit. Syarikat Kenchana telah diberi kemudahan 30 hari kredit daripada semua pembekal.
- iii. Belanja-belanja lain iaitu gaji dan upah, overhed, sewa dan kadar bayaran dibayar pada setiap hujung bulan.
- iv. 20% bayaran pendahuluan ke atas pembelian aset tetap telah diserahkan kepada syarikat Equip Sdn Bhd pada bulan Mac 2016. Bakinya dijelaskan dua (2) bulan selepas tarikh pembelian.

**Dikehendaki:**

- a. Sediakan belanjawan tunai bermula bulan Januari hingga Jun 2016. (16m)
- b. Senaraikan **DUA** kelebihan penyediaan belanjawan tunai. (4m)

**(Jumlah 20m)**

5. Berikut adalah baki-baki yang dipetik daripada buku-buku Perniagaan Ariz pada 31 Disember 2015:

Imbangan Duga pada 31 Disember 2015

	Dr (RM)	Cr (RM)
Stok pada 1 Jan 2015	2,400	
Modal		40,000
Penghutang Niaga	1,060	
Pemiutang Niaga		1,500
Komisen diterima		920
Belanja am	360	
Gaji	7,000	
Angkutan masuk	800	
Pulangan masuk	480	
Sewa	8,400	
Belanja promosi	560	
Pinjaman bank		4,800
Bunga atas pinjaman bank	480	
Kenderaan bermotor	34,000	
Perabut dan Kelengkapan	11,000	
Belian	36,400	
Jualan		56,580
Kadar bayaran	240	
Ambilan	320	
	<u>103,800</u>	<u>103,800</u>

**Maklumat Tambahan :**

- i. Stok pada 31 Disember 2015 bernilai RM2,460

**Dikehendaki :**

- a. Sediakan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 (15m)
- b. Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015 (15m)
- (Jumlah 30m)

- SOALAN TAMAT -